

Pahang hasilkan 1.6 juta benih ikan air tawar

[Mohd Rafi Mamat](#) - Mac 24, 2021 @ 9:18am

bhnews@bh.com.my



Ketua Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok, Mohd Nasir Muhamad (kiri) memantau perkembangan benih ikan patih buah yang dihasilkan.- Foto NSTP/Mohd Rafi Mamat

JERANTUT: Pusat Pengembangan Akuakultur (PPA) Perlok di Jerantut menghasilkan lebih 1.6 juta benih 12 spesies ikan air tawar di Pahang, tahun lalu.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar, berkata spesies terbanyak dihasilkan ialah lampam sungai sebanyak 643,380 diikuti patin hitam (134,330), kerai lampam (231,330), keli (226,000), kerai kunyit (105,030), terbol(65,500) dan puyu (55,700).

Katanya, PPA Perlok kini giat berusaha menghasilkan benih ikan patin buah (*Pangasius nasutus*) dalam usaha menambah taburan spesies berkenaan yang sebelum ini terkenal di Sungai Pahang dan Sungai Jelai serta beberapa sungai utama lain di negeri ini.

"Kekurangan induk berkualiti selain faktor semula jadi menjadi antara sebab benih ikan patin buah yang terkenal di negeri ini tidak banyak dapat dihasilkan setiap tahun berbanding spesies lain.

"Kita sentiasa berusaha menambah jumlah induk ikan patin buah dengan cara membeli daripada nelayan sungai namun kini usaha pihak terbabit menangkapnya semakin sukar," katanya dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, dalam tempoh lima tahun, PPA Perlok berjaya menghasilkan kira-kira 29,000 benih ikan patin buah.

Katanya, permintaan ikan patin buah keluaran negeri ini sentiasa tinggi walaupun harganya agak mahal iaitu antara RM100 hingga RM150 sekilogram.

Abdullah berkata, jabatan mempelawa nelayan sungai supaya menjual induk ikan patin buah hidup yang berjaya ditangkap dengan harga mengikut harga pasaran semasa.

"PPA Perlok sentiasa memerlukan induk ikan patin buah betina dan jantan yang matang, kerjasama nelayan darat amat diperlukan.

"Kita bimbang ikan patin buah akan pupus suatu hari nanti sekiranya usaha menambah jumlah spesies

berkenaan tidak dilakukan secara serius dan berterusan," katanya.

Sementara itu Ketua PPA Perlok, Mohd Nasir Muhamad, berkata pihaknya kini berusaha menambah jumlah pengeluaran benih 12 spesies ikan air tawar bagi memenuhi permintaan.

"Tumpuan utama pengeluaran benih ikan di sini ialah untuk aktiviti pelepasan ke perairan umum di negeri ini dan selebihnya untuk diagihkan kepada jabatan perikanan negeri dan pasaran tempatan," katanya.